

09 JAN 1999

GHAFAR BABA MINTA RAKYAT BERI SOKONGAN KEPADA ABDULLAH

JASIN, 9 Jan (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba meminta rakyat terutama anggota Umno supaya memberi sokongan kepada perlantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Bagi peluang kepada beliau (Abdullah) untuk membantu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjalankan pemerintahan dan membantu kukuhkan Umno," katanya sewaktu ditemui pemberita sewaktu menghadiri majlis berbuka puasa bersama orang ramai di Masjid Taman Maju, di sini, malam ini.

Ghafar berkata beliau percaya dan yakin Abdullah seorang yang faham perjuangan Umno dan boleh memperkukuhkan Umno.

Perlantikan Abdullah diumumkan semalam oleh Perdana Menteri selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno. Beliau juga akan memegang portfolio Menteri Dalam Negeri.

Ghafar yang juga bekas Timbalan Presiden Umno dan Ahli Parlimen Jasin menyifatkan keputusan MT semalam untuk menangguhkan pemilihan pucuk pimpinan parti ke tahun 2000 sebagai langkah yang bijak dan ini akan membolehkan tumpuan diberikan kepada pilihan raya umum akan datang.

"Saya yakin Barisan Nasional (BN) boleh kekalkan kemenangan," kata Ghafar.

-- BERNAMA

NO PR